



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar  
Registrar's Department

Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5033  
e-mel: pendaftar@umpsa.edu.my  
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 (21)  
Tarikh : 12 September 2025

## Senarai Edaran Seperti Lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

### EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 8 TAHUN 2025 MENGENAI URUSAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 8 Tahun 2025 mengenai Urusan Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 4/2025 bertarikh 16 Ogos 2025 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perjawatan (Pelantikan dan Kenaikan Pangkat), Pusat Pengurusan Bakat, Jabatan Pendaftar:

Puan Siti Sakinah binti Mohtar  
Pegawai Tadbir / Eksekutif Kanan  
Tel : 09-431 6354  
E-mel : ssakinah@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABDUL SHUKUR BIN ISHAK)**

Pengarah Kanan  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



TEKNOLOGI  
UNTUK  
MASYARAKAT



## SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Dr. Yatimah binti Alias**  
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**  
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**  
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Penolong Timbalan Naib Canselor**
11. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
12. **Ketua Pegawai Maklumat**
13. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
14. **Semua Pengarah Kanan/ Pengurus Besar**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Pengurus Kanan/ Ketua Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

## **PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 8 TAHUN 2025**

---

### **URUSAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

#### **TUJUAN**

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan mengenai keputusan Universiti mengenai pelaksanaan Ceraian UP.1.3.10 berkenaan Urusan Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

#### **LATAR BELAKANG**

- 2.0 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 4 Tahun 2025 bertarikh 16 Ogos 2025 telah meluluskan cadangan pelaksanaan Ceraian UP.1.3.10 berkenaan Urusan Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.
- 3.0 Pekeliling ini bertujuan memberi panduan mengenai pelaksanaan pemeriksaan kesihatan bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan Universiti supaya pelaksanaannya lebih teratur.
- 4.0 Peraturan mengenai pemeriksaan kesihatan kepada calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam dijelaskan dalam peraturan 20, Peraturan-Peraturan Pegawai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2025. Berdasarkan peraturan tersebut, setiap calon yang akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah disyaratkan untuk diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

- 5.0 Bagi memastikan pemeriksaan kesihatan calon yang dilantik dibuat dengan teratur, terdapat keperluan untuk menjelaskan dasar dan tatacara pemeriksaan kesihatan dengan menggunakan borang baharu pemeriksaan perubatan.

## **PELAKSANAAN**

- 6.0 Dasar pemeriksaan kesihatan adalah seperti berikut:
- 6.1 calon yang akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan diperakui sihat untuk berkhidmat;
  - 6.2 pegawai yang telah menjalani pemeriksaan kesihatan semasa di jawatan terdahulu perlu menjalani semula pemeriksaan kesihatan sekiranya dikehendaki oleh Universiti apabila dilantik ke jawatan baharu;
  - 6.3 bagi maksud subperenggan 6.1 dan 6.2, pemeriksaan kesihatan hendaklah dilaksanakan oleh pengamal perubatan berdaftar;
  - 6.4 pemeriksaan kesihatan hendaklah dibuat selepas calon/ pegawai menerima surat tawaran pelantikan dan laporan pemeriksaan kesihatan perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan pada tarikh melapor diri bertugas kecuali bagi skim perkhidmatan yang mengehendaki calon/ pegawai menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu;
  - 6.5 sekiranya calon tidak dapat mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan pada tarikh melapor diri bertugas yang diarahkan, Ketua Jabatan tidak boleh menerima pegawai melapor diri bertugas. Sebaliknya, calon perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengemukakan laporan tersebut semasa melapor diri bertugas dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti;
  - 6.6 sekiranya Universiti mengehendaki pegawai sedang berkhidmat menjalani semula pemeriksaan kesihatan apabila dilantik di jawatan baharu dan laporan pemeriksaan kesihatan tidak dapat dikemukakan pada tarikh melapor diri yang diarahkan, pegawai hendaklah memohon penangguhan melapor diri kepada Ketua Jabatan baharu. Sekiranya pegawai diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar mengalami masalah kesihatan,

- pegawai hendaklah merujuk kepada Universiti yang menawarkan jawatan baharu itu untuk mendapatkan nasihat mengenai pelantikannya;
- 6.7 Universiti boleh membatalkan tawaran pelantikan jika calon/ pegawai diperakui mengalami masalah kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar; dan
- 6.8 kos pemeriksaan kesihatan adalah ditanggung sepenuhnya oleh calon/ pegawai melainkan pemeriksaan yang dibuat di hospital/ klinik Kerajaan.
- 7.0 Walaupun seseorang pegawai sedang berkhidmat telah mematuhi syarat di perenggan 6, Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai untuk menjalani semula pemeriksaan kesihatan atau mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar apabila terdapat keperluan untuk mengetahui status kesihatan pegawai supaya dapat dinasihati mengenai perkhidmatannya.
- 8.0 Pelaksanaan Pemeriksaan Kesihatan
- 8.1 Pemeriksaan kesihatan bagi calon/ pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:
- 8.1.1 calon/ pegawai hendaklah membuat pemeriksaan kesihatan sebaik sahaja menerima tawaran pelantikan daripada Universiti dengan menggunakan borang pemeriksaan perubatan seperti di Lampiran 1;
- 8.1.2 calon/ pegawai hendaklah mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan sebelum melapor diri bertugas. Universiti tidak boleh menerima calon/ pegawai melapor diri bertugas sekiranya calon/pegawai gagal mengemukakan laporan tersebut sebelum melapor diri bertugas;
- 8.1.3 Ketua Jabatan mengemukakan maklumat pelantikan dan laporan pemeriksaan kesihatan serta memaklumkan kepada Universiti sekiranya calon/ pegawai mengalami masalah kesihatan;
- 8.1.4 Pegawai Perubatan Universiti akan membuat penelitian laporan pemeriksaan kesihatan dan memaklumkan syor pelantikan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sama ada calon sesuai atau tidak sesuai untuk berkhidmat dengan Universiti berdasarkan tahap kesihatan yang dilaporkan. Pembatalan tawaran pelantikan boleh

dilakukan sebelum atau selepas calon/ pegawai lapor diri bertugas.;  
dan

8.1.5 Sekiranya pembatalan tawaran pelantikan dilakukan selepas calon/ pegawai lapor diri bertugas, Universiti akan membuat bayaran emolumen bagi apa-apa tempoh calon/ pegawai berkhidmat.

8.2 Bagi pegawai yang sedang berkhidmat yang dikehendaki untuk menjalani semula pemeriksaan kesihatan atau mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar kepada Ketua Jabatan, pegawai hendaklah menggunakan borang pemeriksaan perubatan seperti di Lampiran 1 .

## **TARIKH KUAT KUASA**

9.0 Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bilangan 8 Tahun 2025 ini berkuat kuasa pada 16 Ogos 2025.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Teknologi Untuk Masyarakat”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)**

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 4 September 2025



**BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN UNTUK PELANTIKAN KE  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

**Maklumat Umum:**

1. Pemeriksaan kesihatan adalah WAJIB bagi semua staf yang baru dilantik dan bagi tujuan pembaharuan kontrak pegawai yang telah mencapai usia melebihi 58 tahun. Pemeriksaan ini boleh dilakukan di Klinik/ Hospital Kerajaan.
2. Tiada tuntutan bayaran balik (reimbursement) akan diberikan untuk pemeriksaan kesihatan yang dilakukan di fasiliti selain dari yang dinyatakan di atas.

**Calon Dikehendaki:**

3. Muat turun dan cetak Borang Pemeriksaan Kesihatan.
4. Bagi mengelakkan pembaziran, sila cetak borang ini secara dua muka (double-sided) atas kertas A4.
5. Baca dengan teliti dan isikan semua bahagian yang berkaitan dengan menggunakan HURUF BESAR dan bawa ke klinik pada hari temujanji.
6. (WAJIB) Tampal sekeping gambar berwarna bersaiz pasport (tidak lebih 6 bulan) pada ruang yang disediakan.
7. Isikan SEKSYEN 1, 2, dan 3 sepenuhnya.
8. Bawa semua rekod rawatan perubatan/pembedahan semasa atau lepas daripada mana-mana penyedia kesihatan termasuk rawatan alternatif dan senarai ubat-ubatan (termasuk herba dan vitamin) yang sedang diambil ke klinik pada hari temujanji.

## SEKSYEN 1 – MAKLUMAT PERIBADI

Butiran	Maklumat		
<b>Nama Penuh</b> (seperti dalam Kad Pengenalan / Pasport):			
<b>No. Kad Pengenalan / Pasport:</b>			
<b>Tarikh Lahir (hhbbtt):</b>			
<b>Umur</b>			
<b>Agama</b>	Islam/ Buddha/ Hindu/ Kristian/ Lain-lain: _____		
<b>Bangsa</b>	Melayu/ Cina/ India/ Lain-lain: _____		
<b>Jantina:</b>	Lelaki / Perempuan	<b>Status:</b>	Bujang / Berkahwin / Bercerai
<b>Warganegara:</b>		<b>OKU / Ketidakupayaan:</b>	
<b>Alamat:</b>			
<b>No. Telefon:</b>			
<b>Jawatan Ditawarkan:</b>			
<b>Emel:</b>			
<b>Nama Waris / Ibu Bapa (untuk kecemasan):</b>			
<b>Hubungan dengan Calon:</b>		<b>No. Telefon:</b>	
<b>Alamat Waris (jika berbeza):</b>			
<b>Kumpulan Darah (jika diketahui)</b>			

**SEKSYEN 1B – SEJARAH IMUNISASI**

Bil.	Vaksinasi	Tarikh Diberikan (sila nyatakan tarikh terakhir)
1.	Vaksin BCG (Tibi)	
2.	Vaksin MMR (Campak, Beguk, Rubella)	
3.	Vaksin DTaP (Difteria, Tetanus, Pertusis)	
4.	Vaksin Demam Kuning*	
5.	Vaksin Meningokokal	
6.	Vaksin Hepatitis B	
7.	Lain-lain (Sila nyatakan):	

**SEKSYEN 1C – SILA TANDA ✓ PADA KOTAK BERKENAAN**

(Diisi sebelum berjumpa pengamal perubatan berdaftar)

Bil.	Masalah Kesihatan	Diri Sendiri		Keluarga		Penjelasan (Jika 'Ya')
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	
1.	Alergi ubat/ makanan/ kontak					
2.	Merokok / Vape (kini / dahulu)					
3.	Penyalahgunaan dadah <ul style="list-style-type: none"><li>• Opiat</li><li>• Methamphetamine</li><li>• Amphetamine</li><li>• Kanabinoid (ganja / marijuana)</li></ul>					
4.	Ketagihan alkohol (Alcohol addiction)					
5.	Tuberkulosis (Tibi)					
6.	Kahak berdarah (Blood-stained sputum)					
7.	Lelah/ Asma bronkial					
8.	Epilepsi / Sawan (Epilepsy / Seizures)					
9.	Sakit kepala berulang (Chronic headache / migraines)					
10.	Pitam / Pengan (Blackout / Fainting)					
11.	Histeria					
12.	Gangguan mental / Sakit jiwa (Mental illness)					

Bil.	Masalah Kesehatan	Diri Sendiri		Keluarga		Penjelasan (Jika 'Ya')
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	
13.	Kemurungan (Depression)					
14.	Pernah cuba membunuh diri (Attempted suicide)					
15.	Pernah menerima rawatan tradisional untuk gangguan mental					
16.	Penyakit sistem saraf (Neurological disorders – stroke, Parkinson, dll.)					
17.	Hipertensi (Tekanan darah tinggi)					
18.	Penyakit jantung atau salur darah					
19.	Sakit dada (Chest pain)					
20.	Sejarah pemindahan darah (Blood transfusion history)					
21.	HIV / AIDS					
22.	Hepatitis B / Hepatitis C					
23.	Sifilis / Penyakit kelamin lain (STDs / STIs)					
24.	Penyakit kuning (Hepatitis - umum)					
25.	Kencing manis / Diabetes Mellitus					
26.	Masalah kelenjar tiroid (Thyroid disorder)					
27.	Masalah hormon wanita / Senggugut (Dysmenorrhoea / Menstrual disorder)					
28.	Sedang hamil (Pregnant)					
29.	Sakit sendi berulang dan bengkak (Recurrent joint pain and swelling)					
30.	Slipped disc / Skoliosis (Disc herniation / spinal curvature)					
31.	Kecacatan anggota / OKU (Physical disability / Persons with Disabilities - OKU)					
32.	Gastritis (keradangan perut)					
33.	Sembelit / cirit-birit kronik					
34.	Buasir / Hemorrhoids					
35.	Angin pasang / Hernia					
36.	Masalah penglihatan atau pendengaran (Vision / hearing problems)					
37.	Ketulan di payudara (Breast lump)					

Bil.	Masalah Kesihatan	Diri Sendiri		Keluarga		Penjelasan (Jika 'Ya')
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	
38.	Masalah saluran kencing (Urinary problems)					
39.	Penyakit buah pinggang (Kidney disease)					
40.	Kanser					
41.	Bengkak / Ketumbuhan di mana-mana bahagian badan (Swelling/lump anywhere on body)					
42.	Penyakit kongenital / keturunan (Congenital / hereditary disorders)					
43.	Penyakit lain yang tidak disenaraikan					
44.	Sejarah pembedahan (History of operations)					
45.	Sejarah dimasukkan ke hospital atau menggunakan alat bantuan pernafasan (intubasi)					
46.	Kecederaan kepala yang serius					
47.	Kecederaan serius (selain kepala)					
48.	Penyakit lain yang tidak disenaraikan di atas					
49.	Senarai ubat yang sedang diambil (jika ada)					

## SEKSYEN 2 – SARINGAN TIBI

Adakah anda mengalami mana-mana simptom berikut dalam sebulan yang lalu?

Simptom	Ya	Tidak
Batuk berpanjangan		
Hilang berat badan		
Berpeluh malam		
Batuk berdarah		
Hilang selera makan		
Kontak rapat dengan pesakit Tibi		

Jika 'Ya', pemeriksaan lanjut seperti ujian kahak (AFB) dan X-ray dada perlu dilakukan.

---

## SEKSYEN 3 – SOAL SELIDIK KESIHATAN MENTAL

### A. Pemeriksaan Awal:

Bil.	Soalan	Ya	Tidak
1.	Adakah anda sering merasa sedih atau putus harapan?		
2.	Kurang minat dalam perkara yang anda suka lakukan?		
3.	Susah tidur atau kerap terjaga waktu malam?		

Jika jawapan "Ya" pada mana-mana soalan = perlu penilaian lanjut

### B. Dalam dua minggu lepas, sejauh mana anda terganggu oleh perkara berikut?

Bil.	Perkara	Tidak langsung	Beberapa hari	Lebih separuh hari	Hampir setiap hari
1.	Rasa gugup atau cemas	0	+1	+2	+3
2.	Sukar mengawal rasa risau	0	+1	+2	+3

Skor  $\geq 2$  = memerlukan penilaian lanjut

## PERAKUAN OLEH CALON

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Saya juga faham bahawa permohonan saya boleh ditolak dan saya akan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya maklumat yang diberikan didapati palsu.

Saya dengan ini bersetuju untuk memberi kebenaran kepada pihak tuan bagi mengemukakan maklumat mengenai pemeriksaan perubatan ini kepada pihak berkuasa/ jabatan yang berkenaan.

Ditandatangani oleh Calon :

Nama Pegawai : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

pada tarikh : .....

dan disaksikan oleh:

Saya dengan ini mengesahkan maklumat kesihatan di Seksyen 1 hingga Seksyen 3 dibuat oleh pemohon dan tandatangan di Bahagian Perakuan oleh Calon adalah tandatangan pemohon.

Tandatangan saksi : .....

Nama saksi : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

pada tarikh : .....

**BORANG PERSETUJUAN UNTUK SARINGAN PENYAKIT JANGKITA SEKSUAL (PJS)/  
DADAH**

Saya, \_\_\_\_\_ (nama) \_\_\_\_\_  
(nombor K/P atau passport) dengan ini **bersetuju untuk menjalani saringan penyakit jangkitan seksual (PJS) dan saringan dadah** di mana-mana klinik/ hospital jika diarahkan.

Saya faham sepenuhnya segala **implikasi dan risiko berkaitan prosedur** tersebut.

Ditandatangani oleh Calon :

Nama Pegawai :  
.....

Nombor Kad Pengenalan : .....

pada tarikh : .....

dan disaksikan oleh:

Tandatangan saksi :  
Nama saksi : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

pada tarikh : .....

## SEKSYEN 4 – PEMERIKSAAN FIZIKAL

A. GENERAL EXAMINATION		
Berat (kg):	Tinggi (m):	Indeks Jisim Berat (BMI):
Tekanan Darah:	Kadar Nadi:	
Penglihatan Warna:	Normal	Tidak Normal
Juling:	Ada	Tiada
	Mata Kanan	Mata Kiri
Ketajaman Penglihatan: (tanpa/ dengan cermin mata)		

B. ELEKTROKARDIOGRAM (ECG)		
<ul style="list-style-type: none"><li>ECG adalah WAJIB untuk staf baru dan bagi tuan rumah kontrak (ROC) berumur lebih 40 tahun.</li><li>Untuk Polis Bantuan, ECG asas diperlukan.</li></ul>	Normal	Tidak Normal

C. PEMERIKSAAN SISTEM BADAN			
Sistem/ Bahagian	Normal	Tidak Normal	Ulasan
Kulit			
Telinga			
Hidung			
Rongga Mulut & Tekak			
Leher			
Jantung			
Paru-paru			
Abdomen			
Sistem Urogenital			
Tulang Belakang			
Sistem Muskuloskeletal			
Sistem Saraf			

D. PENILAIAN KESIHATAN MENTAL			
Penampilan Utama	Kemas dan Teratur	Tidak Kemas	
Pertuturan	Koheren	Tidak Koheren	
Mood	Murung	Ya	Tidak
	Cemas	Ya	Tidak
	Mudah marah	Ya	Tidak

<b>D. PENILAIAN KESIHATAN MENTAL</b>			
Orientasi			
Pemikiran	Delusi	Ya	Tidak
	Cenderung membunuh diri	Ya	Tidak
Pemikiran	Halusinasi	Ya	Tidak
Orientasi	Masa	Tempat	Orang

**SEKSYEN 5 – UJIAN MAKMAL**

<b>A. UJIAN AIR KENCING</b>		
Glukosa	Normal	Tidak Normal
Albumin	Normal	Tidak Normal
Pemeriksaan Mikroskopik	Normal	Tidak Normal

<b>B. UJIAN DARAH</b>			
<b>Ujian</b>	<b>Normal</b>	<b>Tidak Normal</b>	<b>Ulasan</b>
Kiraan Darah Lengkap (FBC)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Profil Buah Pinggang	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Fungsi Hati (LFT)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Gula Darah Puasa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
HBA1C	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Asid Urik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Fungsi Tiroid	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Profil Lipid	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Antigen Hepatitis B	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Antibodi Hepatitis C	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Antibodi HIV	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
VDRL / TPHA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Paras Malaria (untuk staf antarabangsa sahaja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

<b>C. X-RAY DADA</b>			
<b>Komponen</b>	<b>Normal</b>	<b>Tidak Normal</b>	<b>Ulasan</b>
Rangka Toraks	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Saiz & Bentuk Jantung	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Medan Paru-paru	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Mediastinum & Hilar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Diafragma & Sudut Kostofrenik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Tulang Belakang / Skoliosis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Rumusan keseluruhan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

## SEKSYEN 6 – PEMERIKSAAN KESIHATAN PERGIGIAN

Dengan ini disahkan bahawa \_\_\_\_\_ (nama)  
\_\_\_\_\_(nombor K/P atau passport) telah menjalani pemeriksaan pergigian dan disahkan:

Kesihatan gigi yang baik

Mempunyai masalah pergigian:

Jangkitan

Karies (gigi berlubang)

Penyakit periodontal (gusi)

Kehilangan gigi

Lain-lain: \_\_\_\_\_

Tandatangan Pegawai Pergigian :

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan

No. Pendaftaran MMC : .....

Tarikh : .....

Cop Rasmi :

## SEKSYEN 7 – PENGESAHAN PEGAWAI PERUBATAN PEMERIKSA

Dengan ini disahkan bahawa calon mempunyai keadaan kesihatan seperti berikut:

Senarai keadaan perubatan:	Senarai Ubat:

Bagi tujuan pelantikan, calon disahkan:

- Calon sihat dan layak bekerja.
- Calon mempunyai masalah kesihatan tetapi masih layak bekerja.
- Keputusan pemeriksaan tidak memuaskan dan perlu penilaian lanjut:

---

(nyatakan jenis pemeriksaan)

Tandatangan Pegawai Perubatan :

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan

No. Pendaftaran MMC : .....

Tarikh : .....

Cop Rasmi :

## SEKSYEN 8 – PENGESAHAN PEGAWAI PERUBATAN UNIVERSITI

Berdasarkan laporan perubatan yang diterima serta pengesahan pegawai perubatan di klinik/hospital berkaitan, pelantikan calon ke jawatan \_\_\_\_\_  
(jawatan yang ditawarkan) adalah disahkan bahawa:

- Calon sihat, layak dan sesuai untuk menjawat jawatan tersebut.
- Calon mempunyai masalah kesihatan tetapi layak dan sesuai untuk menjawat jawatan tersebut.
- Keputusan pemeriksaan tidak memuaskan dan perlu penilaian lanjut:

---

(nyatakan jenis pemeriksaan)

Tandatangan Pegawai Perubatan :

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan

No. Pendaftaran MMC : .....

Tarikh : .....

Cop Rasmi :